

23/09/1998

Pemuda Umno tolak Zahid

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Exco Pergerakan Pemuda Umno akan mengemukakan memorandum 'hilang kepercayaan' terhadap ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, bagi meneruskan kepemimpinan pergerakan itu kepada Majlis Tertinggi (MT), esok.

Keputusan itu dibuat berikutan keengganan Datuk Ahmad Zahid melepaskan jawatannya sehingga beliau ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), semalam.

Justeru, Exco pergerakan itu yang dipimpin Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, akan membuat aduan rasmi kepada MT esok berhubung kelemahan kepemimpinan dan kemampuan Ahmad Zahid untuk terus menerajui pergerakan itu dalam mengatasi masalah yang melanda parti ketika ini.

"Ahli Exco tidak lagi percaya dengan kredibiliti beliau mengepalai fungsi Pergerakan Pemuda Umno sebagai sayap kanan parti dalam membantu menterjemahkan keputusan MT pada 3 September lalu.

"Sikap berdiam diri beliau selepas sama-sama bersetuju dengan keputusan sebulat suara MT yang lalu amat mengecewakan seluruh ahli pergerakan ini," katanya dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada pemberita ketika sidang media di sini, hari ini.

Memorandum itu ditandatangani 20 anggota exco berkenaan iaitu Hishamuddin, Mokhzani Mahathir; Datuk Abdul Fatah Iskandar; Abdul Aziz Sheikh Fadzir; Mohd Suparadi Md Noor; Khaled Nordin; Azizan Yaakob; Zein Isma Ismail; Zulkifli Alwi; Nur Jazlan Mohamed; Noordin Md Noor; Abdul Rahin Mohd Said; Soohaimi Abdul Rahman; Abdul Fatah Abdullah; Abdul Wahab Din; Abdul Azim Mohd Zabidi; Jema Khan Majid; Zaiyadi Awang Noh; Mohd Samlih Juaisin; dan Abdul Kadir Daud.

Semalam, Ahmad Zahid ditahan di Sabah mengikut ISA. Pada sidang akhbar yang sama, semua anggota Exco berkenaan juga meminta MT mengambil tindakan disiplin yang keras terhadap tiga anggota Exco pergerakan itu kerana melanggar perlembagaan dan keputusan parti dengan menyertai gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hishamuddin berkata, satu memorandum sudah ditandatangani oleh 20 ahli Exco pergerakan itu yang sebulat suara meminta MT bertindak terhadap Penolong Setiausahanya, Saifuddin Nasution dan dua anggota exconya, Dr Abdul Rahim Ghouse dan Ruslan Kassim kerana melanggar ketetapan dan persetujuan mereka sendiri untuk menentang gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Pembabitan mereka mengetuai gerakan itu adalah kesalahan disiplin yang serius dan sewajarnya tindakan keras diambil ke atas mereka," katanya.

Dua anggota Exco yang tidak menandatangani memorandum itu selain tertuduh ialah Ahmad Zahid yang kini ditahan mengikut ISA dan Jamal Nasir Rasdi yang juga Ketua Pemuda Perak.

Dalam satu surat kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik, bertarikh 14 September lalu, 20 anggota Exco berkenaan membuat aduan ketiga-tiga anggota Exco itu didapati terbabit secara langsung dengan hadir secara fizikal dalam gerakan reformasi anjuran Anwar.

Langkah itu jelas bertentangan dengan keputusan mesyuarat Exco pergerakan itu pada 8 September lalu bahawa pergerakan itu tidak akan bersekongkol dan menyokong usaha reformasi bekas Timbalan Presiden Umno.

(END)